



Kata Sendi Nama

Pattu Pavadai

Pattu pavadai ialah pakaian tradisional kaum India. Pakaian itu dipakai **oleh** kanak-kanak perempuan India di bawah umur 12 tahun. Biasanya, pakaian itu diperbuat **daripada** kain sutera. Pakaian itu sangat cantik.

Gauri mempunyai sepasang pattu pavadai. Dia amat suka **akan** pakaian itu. Dia memakai pakaian itu **pada** hari perayaan Deepavali. Dia juga memakai pakaian itu apabila berkunjung **ke** majlis keraian.

Baru-baru ini, ibu Gauri membeli sepasang pattu pavadai baharu untuk Gauri. Beliau membeli pakaian itu **di** sebuah kedai tidak jauh **dari** rumahnya. Gauri berasa amat gembira. Dia berterima kasih **kepada** ibunya.



Pavadai Thavani

Pavadai thavani ialah pakaian tradisional yang dipakai oleh remaja perempuan India. Pakaian itu diperbuat kain sutera. Pakaian itu sangat cantik dan mempunyai pelbagai corak dan warna.

Kakak Gauri mempunyai dua pasang pavadai thavani. Dia amat sayang pakaian itu. Pakaian itu dihadiahkan ibunya.

Pada minggu lalu, kakak Gauri berkunjung majlis perkahwinan gurunya. Majlis itu berlangsung Taman Damai. Taman itu terletak tidak jauh rumahnya. Dia memakai pavadai thavani hari tersebut. Kawan-kawannya memuji kecantikan pakaian itu. Dia mengucapkan terima kasih mereka.



CELIK BAHASA

Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menerangkan kata nama atau frasa nama tersebut.
Contoh: di, dari, daripada, pada, kepada

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata sendi nama.
- Minta murid melengkapi petikan dengan kata sendi nama.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Nilai Murni

5.1.4(ii)

75